

Oleh Haika Khazi, Shamsul Kamal Amarudin, Nahar Tajri, Khairunnisa Kamarudin, Tuty Haryanti Ahmad Rodzi, Nurhasyima Hasim, Muhd Amirul Faiz Ahmad, Mohd Iskandar Ibrahim, Suzalina Halid, Nas Norziela Nasbah, Norhidayah Che Din, Norrasidah Arshad, Siti Sofia Md Nasir, Sarah Aina Shawal, Betty Subaryati, Khairulmizan Yahya, Nur Izzati Mohamad, Ainul Fatimah Mansor, Mohd Shukor Mohd Amin, Nurfarahin Hussin dan Faizul Azlan Razak.

bhnews@bh.com.my

BH 20/12/13 MS 14



Calon peroleh semua A naik

Sebahagian 102 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Dato Ahmad Maher, Kota Bharu yang **memperoleh 8A dan 9A pada PMR.**

[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]

» *Jurang pencapaian calon bandar,*

pada 0.25 mata tahun ini," katanya pada sidang media, di sini semalam.

Berdasarkan indeks Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) pula,



luar bandar semakin mengecil

Putrajaya

Seramai 30,988 atau 7.33 peratus daripada 422,506 calon Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun ini, mendapat semua A, peningkatan 514 calon berbanding 30,474 tahun lalu.

Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr Khair Mohamad Yusof, berkata pencapaian dalam 17 mata pelajaran akademik juga bertambah baik dengan peningkatan 0.04 mata Gred Purata Nasional (GPN) daripada 2.71 tahun lalu kepada 2.67 mata kali ini.

Peratusan calon melepasi penguasaan minimum semua Gred D tidak termasuk semua Gred A pula menurun 1.38 peratus, iaitu 273,099 atau 61.98 peratus pada 2012 kepada 267,718 atau 63.36 peratus tahun ini. Calon mendapat semua E bertambah 0.05 peratus daripada tahun lalu kepada 307 calon tahun ini.

17 mata pelajaran akademik meningkat

"Pencapaian calon bandar lebih baik daripada calon luar bandar dengan gred purata masing-masing 2.56 mata dan 2.81 mata, namun jurang pencapaian semakin mengecil sebanyak 0.01 mata, iaitu daripada 0.26 tahun lalu ke-

peratus 17 mata pelajaran akademik yang ditawarkan meningkat dengan Bahasa Inggeris mencatatkan 3.13 mata berbanding 3.23 mata tahun lalu, manakala peratusan calon mendapat A bertambah 1.4 peratus daripada 16.8 peratus tahun lalu.

"Peningkatan turut dicatatkan bagi Matematik, iaitu sebanyak 0.03 mata kepada 2.75 mata tahun ini, manakala calon mendapat A

INFO

Keputusan PMR 2013

Negeri	Jumlah semua A	GPN 2012	GPN 2013	Prestasi Naik/Turun
Kuala Lumpur	1,683	2.60	2.57	Naik
Terengganu	1,733	2.57	2.55	Naik
Kedah	2,264	2.81	2.73	Naik
Sabah	916	3.01	2.95	Naik
Kelantan	1,839	2.62	2.58	Naik
Perak	3,200	2.73	2.69	Naik
Negeri Sembilan	1,653	2.65	2.59	Naik
Melaka	1,011	2.64	2.60	Naik
Johor	3,948	2.69	2.65	Naik
Sarawak	1,729	2.91	2.86	Naik
Pulau Pinang	2,268	2.66	2.62	Naik
Pahang	1,645	2.64	2.58	Naik
Selangor	6,480	2.59	2.57	Naik
Perlis	307	2.84	2.79	Naik



Pelajar SMK Mohd Khalid, Johor Bahru menunjukkan **slip keputusan cemerlang PMR**.



Sebahagian pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Mahmud, Marang yang **memperoleh 8A dalam PMR** bergambar selepas dinobatkan sekolah terbaik Negeri Terengganu. [FOTO ASWADI ALIAS/BH]

Wan Abdul Hakim memeluk bapanya, Wan Faizal Wan Haseen selepas memperoleh 6A2B sambil diperhatikan ibunya, Norlelawati Mahbob di SMK Bukit Bandaraya, Lorong Maarof.

[FOTO SALHANI IBRAHIM/BH]



422,5068
calon

Ambil Penilaian Menengah Rendah tahun ini

"Peningkatan turut dicatatkan bagi Matematik, iaitu sebanyak 0.03 mata kepada 2.75 mata tahun ini, manakala calon mendapat A subjek itu meningkat 0.5 peratus daripada 28.8 peratus kepada 29.3 peratus tahun ini"

Khair Mohamad Yusof,
Ketua Pengarah Pelajaran

"Gagal dapat sebarang A dalam peperiksaan percubaan, menyebabkan

Najib, Muhyiddin ucap tahniah

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengucapkan tahniah kepada pelajar yang memperoleh keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR).

"Tahniah pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam PMR. Teruskanlah usaha kerana ini satu titik permulaan ke-

pada kejayaan lebih besar," kata Perdana Menteri dalam laman Twitter beliau, semalam.

Pengorbanan guru, ibu bapa
Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan turut mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa dan guru atas jasa dan pengor-

banan mereka yang menyumbang kepada keputusan cemerlang pelajar.

"Tahniah kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam PMR. Tahniah, syabas dan terima kasih atas pengorbanan dan jasa ibu bapa dan guru," katanya, juga dalam tweet terkini beliau, semalam.

BH 29/12/13 MS 15.

Cacat mata tak halang berjaya

Kota Bharu: Cacat kedua-dua mata bukan penghalang pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampung Laut, dekat sini, Muhammad Nur Hafiz Razali, 15, memperoleh keputusan cemerlang pada Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diumumkan, semalam.

Walaupun mata kirinya buta dan mata kanan rabun, Nur Hafiz dari Palekbang, masih mampu mendapat 5A, masing-masing Bahasa Melayu, Matematik, Sains, Geografi dan Pendidikan Islam, manakala B, C dan D, masing-masing untuk Sejarah, Kemahiran Hidup dan Bahasa Inggeris.

Dapat 5A

"Masalah penglihatan tak pernah menghalang saya untuk bersaing dengan pelajar lain," katanya yang terpaksa hidup dalam keadaan sedemikian sejak kecil sehingga terpaksa menggunakan kanta pembesar ketika menjawab soalan pada PMR lalu.



Muhammad Nur Hafiz **meraikan kejayaan mendapat 5A** bersama rakan sekolahnya.

[FOTO ZAMAN HURI ISA/BH]

"Malah, gagal dapat sebarang A dalam peperiksaan percubaan, menyebabkan saya lebih bersungguh. Alhamdulillah, akhirnya dapat 5A walaupun sasaran awal 8A. Kejayaan ini hasil bantuan semua pihak, ahli keluarga, guru dan pengawas yang sentiasa memberi dorongan," katanya ketika ditemui

di sekolahnya.

Anak bongsu daripada empat beradik ini berkata, dia juga mengikuti kelas tuisyen bagi menguatkan lagi daya ingatan kerana sebagai Calon Berkeperluan Khas (CBK), sering berdepan kesukaran membaca dan mengulang kaji pelajaran.

Calon Kelainan Upaya SMK Bukit Rangin, Kuantan, Fakhrol Iman Abdul Wahid **berkongsi kegembiraan bersama Pengetua sekolah, Zaimi Abu Bakar dan ibunya, Hasnah Hamzah** selepas mendapat 8A.

subjek itu meningkat 0.5 peratus daripada 28.8 peratus kepada 29.3 peratus tahun ini," katanya.

Bahasa Melayu menurun

Bagi Sains, peningkatan sebanyak 0.04 mata dicatatkan, daripada 2.79 kepada 2.75 mata tahun ini dengan peratusan mendapat A juga meningkat 0.9 peratus iaitu daripada 23.7 kepada 24.6 peratus

Bagaimanapun, pencapaian Bahasa Melayu menurun 0.03 mata iaitu 2.32 tahun lalu kepada 2.35 mata tahun ini dengan peratusan calon mendapat A turut menurun 0.5 peratus daripada 27.5 pada 2012 kepada 27.0 peratus tahun ini. Seramai 422,506 calon menduduki PMR tahun ini di 3,530 pusat peperiksaan berbanding 440,643 calon tahun lalu

saya lebih bersungguh. Alhamdulillah, akhirnya dapat 5A walaupun sasaran awal 8A. Kejayaan ini hasil bantuan semua pihak, ahli keluarga, guru dan pengawas yang sentiasa memberi dorongan"

Muhammad Nur Hafiz Razali
Calon PMR

0.5
peratus

Peningkatan calon yang dapat A dalam subjek Matematik



Pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Gombak berkongsi kegembiraan selepas mencapai 9A UPSR yang diumumkan semalam.

Panduan menggunakan aplikasi AR

1



ZOOM

Muat turun aplikasi di Play Store dengan kata kunci carian **ZOOM BH**

2



Imbas pada gambar dan logo

3



Video dimainkan